



# BOLA TAMPAR

## PERATURAN PERMAINAN

### SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA



SBAM | 2023  
KEDAH



SADA

## PERATURAN PERMAINAN BOLA TAMPAR SUKAN BEKALAN AIR SE-MALAYSIA

### **Perkara 1: Nama**

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Tampar Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 2: Undang-Undang/Peraturan**

Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan di bawah MAVA atau Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa dan Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia hendaklah diikuti.

### **Perkara 3: Penyertaan**

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi Perkara 5 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 4: Kategori, Pembentukan Pasukan dan Masa Bermain**

Bola Tampar berpasukan. Setiap pasukan boleh mendaftar 1 pasukan seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	1 Orang
2.	Jurulatih Pasukan	1 Orang
4.	Pemain	6 Orang
5.	Simpanan	4 Orang
	<b>Jumlah</b>	<b>12 Orang</b>

### **Perkara 5: Pakaian Pemain**

Rujuk Perkara 9 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

### **Perkara 6: Sistem Pertandingan**

1. Penentuan kumpulan rujuk Perkara 8 Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia
2. Permainan akan dimainkan secara 'Best of 3' (25 mata per set).

### **Perkara 7: Cara Memutuskan Keputusan Kumpulan**

Secara Liga.

1. Cara memberi mata.
  - Menang: 2 mata.
  - Kalah: 0 mata.
2. Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah berikut:
  - a) Kaedah 1: Nisbah set terbesar – Jumlah set menang/set kalah.
  - b) Kaedah 2 : Nisbah mata terbesar - Jumlah mata set menang/jumlah mata set kalah.
  - c) Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan maka keputusan perlawanan yang telah diadakan di antara kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang menang di dalam perlawanan tersebut dikira menang.

### **Perkara 8: Menarik Diri, Memberi Kemenangan Percuma dan Gagal Hadir**

1. Perkara 11 dalam Peraturan Am Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.
2. Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan 2 mata dengan jumlah 25-0 dan 25-0.

**Perkara 9: Bantahan**

Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara 16 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia.

**Perkara 10: Keadaan Luar Jangka**

Perkara 19 dalam Peraturan Am Sukan Bekalan Air Se-Malaysia digunapakai.